

Usim menang anugerah di London

KUALA LUMPUR: Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) memenangi dua emas dan dua perak di pameran British Invention Show, London, pada 15 hingga 18 Oktober lalu.

Anugerah itu membabitkan empat penyelidikan merangkumi Efficient Control of Virus Propagation (ECOVP); Jawi Character Recognition Tool (E-Jawi) yang memenangi pingat

emas; Efficient Detection of Worm Attack (EDOWA) dan Efficient Defensive from Virus Infection through Apoptosis (EDVITA), pingat perak.

Terdapat lebih daripada 200 projek penyelidikan dipamer serta dipertandingkan manakala setiap penyelidikan diadili sekurang-kurangnya dua pengadil dari seluruh dunia.

Pensyarah Fakulti Sains

dan Teknologi, Madiah Mohd Saudi, berkata dalam pameran itu, 38 penyertaan adalah daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia

"Pameran seperti itu adalah titik permulaan bagi penyelidikan tempatan mengemukakan bahan penyelidikan mereka di pentas antarabangsa," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.